

(4 Jun 2021) Sinar Harian, p. 5

3 kanak-kanak maut akibat Covid-19

Direkod sepanjang lima bulan pertama tahun ini

Oleh **TUAN BUQHAIRAH TUAN MUHAMAD ADNAN**

PUTRAJAYA

Tiga kanak-kanak maut akibat Covid-19 sepanjang lima bulan pertama tahun ini.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, bagi tempoh sama, seramai 27 kanak-kanak diletakkan di wad unit rawatan rapi (ICU).

"19 daripadanya berusia bawah lima tahun," katanya dalam

kenyataan pada Khamis.

Beliau berkata, KKM berharap agar semua pihak terutamanya ibu bapa dan penjaga dapat memainkan peranan penting bagi melindungi mereka yang mempunyai imuniti yang rendah seperti bayi dan kanak-kanak.

"Binalah persekitaran yang selamat kepada mereka dengan mematuhi sepenuhnya prosedur operasi standard sedia ada dan segeralah dapatkan vaksin bagi golongan dewasa yang layak," katanya.

Dalam pada itu, KKM melaporkan 8,209 kes baharu positif



DR NOOR HISHAM

Covid-19 dengan 103 kematian.

"Daripada jumlah itu, terdapat 64 kes import melibatkan 56 rakyat tempatan dan lapan warga asing."

"Kes tempatan adalah 8,145 yang terdiri daripada 7,046 rakyat Malaysia dan 1,099 warga asing,"

katanya.

Menurutnya, pertambahan itu menjadikan jumlah kumulatif kes positif adalah 595,374.

"Kes aktif di seluruh negara pula adalah 83,331 kes yang mana 880 dirawat di unit rawatan rapi (ICU) serta 446 memerlukan bantuan mesin pernafasan," katanya.

Beliau berkata, kes kematian

yang dilaporkan membabitkan 100 rakyat tempatan dan tiga warga asing.

"Kes kematian pada hari ini (Khamis) melibatkan 26 di Selangor, Kuala Lumpur (15) Johor (14), Sarawak (lapan), Kelantan (lapan), Sabah (tujuh), Negeri Sembilan (enam), Terengganu (enam), Pulau Pinang (empat), Kedah (empat), Melaka (dua), Pahang (dua), Perak (satu)," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, jumlah kes pulih Covid-19 adalah 7,049 sekali gus menjadikan jumlah kumulatifnya 508,947.

"Ia bersamaan dengan 85.5 peratus daripada keseluruhan

kes," katanya.

Mengulas lanjut mengenai penularan tempatan, beliau berkata, Selangor menjadi penyumbang utama statistik dengan 3,125 kes.



Ia diikuti oleh Kuala Lumpur (801), Johor (752), Sarawak (594), Negeri Sembilan (576) dan Kelantan (414).

Perak merekodkan 384 kes, Kedah (373), Melaka (322), Pulau Pinang (303), Sabah (203), Pahang (135) dan Terengganu (127).

Sementara itu, terdapat 24 kluster baharu dikenal pasti menjadikan jumlah keseluruhannya, 2,261 kluster.

**MENDEPANI KRISIS
COVID-19:
APA TINDAKAN
KITA?**

SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA



JUMLAH KES BAHARU DAN SEMBUH DILAPORKAN SETIAP HARI

JUMLAH KES BAHARU	PULIH	ICU	KEMATIAN	KES BAHARU	SUDAH DIVAKSIN
595,374	508,947	880	3,096	+8,209	3,212,873

KES BAHARU DALAM SEMINGGU	
3 Jun	8,209 kes
2 Jun	7,703 kes
1 Jun	7,105 kes
31 Mei	6,824 kes
30 Mei	6,999 kes
29 Mei	9,020 kes
28 Mei	8,290 kes
Jumlah jangkitan Covid-19 di Malaysia semalam meningkat daripada 587,165 kes kepada 595,374 kes	

